

# Richard Ho diduga tak akan keluar MCA

KUALA LUMPUR, Selasa — Timbalan Presiden MCA, Datuk Richard Ho, tidak mungkin keluar parti untuk menyertai Parti Gerakan.

"Beliau telah berkali-kali menegaskan tidak berniat berbuat demikian," kata sumber-sumber yang rapat dengannya hari ini.

Spekulasi mengenai kemungkinan Datuk Richard Ho melompat ke Gerakan semakin menjadi-jadi apabila beliau mengumumkan perletakan jawatannya sebagai Pengerusi MCA Bahagian Lumut, baru-baru ini.

Pemerhati politik, terutamanya di Perak, mensifatkan tindakannya itu sebagai langkah pertama secara 'gentleman' untuk meninggalkan MCA.

Beliau dikatakan berada dalam keadaan berbelah bahagi sama ada mengikut kehendak penyokong-penyokongnya di Dinding atau ahli-ahli MCA yang lain.

Beliau bagaimanapun, menegaskan semalam keputusannya untuk mengosongkan jawatannya sebagai Pengerusi MCA Bahagian Lumut adalah muktamad.

## Hasrat

"Jentera pentadbiran parti bahagian itu belum pernah sebaik sekarang dan di kawasan itu terdapat ramal bakal pemimpin yang berpotensi," tambahnya.

Datuk Richard Ho, yang mempengerusikan bahagian itu sejak sembilan tahun lalu, berkata keputusan untuk mengosongkan jawatan itu telah beberapa kali dibayangkannya.

"Saya telah membawa hasrat ini di mesyuarat perwakilan dalam tahun 1977 dan 1979.

"Setiap kali, saya menerima rayuan perwakilan supaya mengekalkan jawatan itu demi memastikan yang penarikan diri saya kelak tidak akan menjejaskan pentadbiran parti

yang telah kemas.

"Saya benar-benar yakin masanya telah tiba untuk saya mengosongkan jawatan itu," kata beliau lagi.

Datuk Richard Ho berpendapat adalah tidak memmeranjatkan sekiranya terdapat ahli di peringkat bahagian merasa kurang senang di waktu-waktu menerima pucuk pimpinan baru.

"Tetapi, perasaan curiga seperti itu tidak harus berlaku dan ia tidak berasas sama sekali," katanya.

Kata beliau: "Saya masih akan bersama dan saya akan meneruskan bantuan yang diminta dari saya seberapa yang boleh."

Beliau berpendapat punca yang mewujudkan perasaan tidak senang itu ekoran perpindahan ahli antara MCA Gerakan-DAP.

"Akibatnya, nadi ketiga-tiga parti dalam bahagian agak tegang.

"Adalah tidak dapat dielakkan dalam keadaan-keadaan seperti ini, pihak parti lawan yang berhasrat meluaskan pengaruh akan menggunakan peluang kekosongan itu dengan berbagai cara," katanya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia